

Satu keluarga satu kaunselor

Oleh SAPORA SIPON

UM - 2/2/2007

KERAJAAN sentiasa komited dalam usaha memperkasa Agenda Sosial Negara. Atas kesedaran itulah juga, program "Satu Keluarga Satu Kaunselor" dijangka dilancarkan Perdana Menteri Ahad ini.

Program ini dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Tertinggi UMNO.

Masalah sosial di kalangan remaja kian meruncing. Pelbagai masalah yang menghimpit remaja jika tidak cuba diatasi dengan sebaik mungkin akan membuat usaha untuk memperkasa agenda sosial negara menemui jalan sukar.

Pihak kerajaan sedar bahawa peranan keluarga dalam pembentukan individu yang sihat adalah sangat penting. Keluarga sebagai satu unit sosial sangat berpengaruh dalam perkembangan hayat individu.

Ahli-ahli psikologi tanpa mengira pendekatan teori yang digunakan bersejua-bahawa keluarga sangat penting dalam pembentukan psikologi, emosi, mental dan kognitif individu.

Sering kali juga masalah sosial yang berlaku berpunca daripada keluarga. Berlandaskan ini, program "Satu Keluarga Satu Kaunselor" ingin melihat setiap keluarga mempunyai sekurang-kurangnya seorang kaunselor.

Ini tentu sekali satu usaha yang baik. Ia mengiktiraf bahawa bidang kaunseling memang penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan individu.

Bagaimanapun, mengamalkan kaunseling bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan kemahiran dan ilmu kaunseling dalam usaha membantu individu lain. Jelasnya, melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai kaunselor memerlukan individu yang mempunyai penguasaan mengenai ilmu kaunseling, kemahiran dan juga penguasaan teknik-teknik yang akan digunakan dalam sesi kaunseling tersebut.

Kaunseling juga terikat dengan etika-etika tertentu di mana ia bertujuan untuk menjaga kewibawaan dan tahap profesionalisme bidang kaunseling itu sendiri. Atas dasar itu, pihak penganjur telah membuka pelawaan kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi sukarelawan prakaunselor dan kaunselor dalam usaha merealisasikan kejayaan program ini.

Antara kumpulan sasaran penting ialah kaunselor bertauliah termasuk kaunselor sekolah dan institusi pengajian tinggi, pemimpin tempatan termasuk penghulu, ketua kampung, imam dan juga ahli jawatankuasa Biro Kebajikan Pergerakan UMNO Malaysia.

Institusi pengajian tinggi menawarkan pengajian dalam bidang kaunseling dan mempunyai tenaga akademik yang sememangnya terlatih dan mahir dalam bidang kaunseling.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah di antara institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian dalam bidang kaunseling.

Kemahiran dan ilmu yang ada pada tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi boleh dimanfaatkan kepada program ini.

Kementerian Pelajaran juga mempunyai kaunselor sekolah sepenuh masa yang sememangnya mempunyai latihan dan kemahiran dalam bidang kaunseling. Di samping itu, Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama) merupakan sebuah badan profesional yang bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme kaunselor. Bantuan Perkama juga boleh diminta untuk menjayakan program ini. Persatuan Kaunseling negeri-negeri juga boleh diajak untuk membantu menjayakan program ini.

Kejayaan Program "Satu Keluarga Satu Kaunselor" boleh dijayakan melalui komitmen pihak-pihak yang memang terlatih dan mahir dalam bidang kaunseling. Usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Tertinggi UMNO dalam menganjurkan program ini sememangnya sesuatu usaha yang baik dan perlu disokong. Tentu sekali usaha memperkasa Agenda Sosial Negara adalah usaha bersama. Sama-samalah kita menjayakan program ini.